

17 MAR 1997

Mahathir-Pendapatan

KERAJAAN NEGERI PERLU SANGGUP LEPAS KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan-kerajaan negeri patut mempunyai corak pemikiran lateral dan sanggup melepaskan pendapatan segera secara jangka pendek untuk memperolehi pendapatan yang berkekalan kemudiannya daripada pelabur.

Perdana Menteri berkata sekiranya kerajaan negeri hendakkan wang daripada pendapatan segera maka bermakna harga tanah yang dikenakan untuk pelabur adalah tinggi selain mengenakan syarat-syarat tertentu.

Katanya, semua syarat-syarat itu yang merupakan tambahan kepada syarat oleh Kerajaan Pusat hanya akan mengurangkan pelaburan ke dalam negeri berkenaan dan apabila ia kurang, maka pendapatan negeri juga akan berkurangan.

"Adalah penting untuk kerajaan pada peringkat pusat dan negeri bersikap positif mengenai perkara ini," katanya pada persidangan berita selepas melancarkan Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dan Bandar MEC, di Gambang dekat sini.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati apabila Kerajaan Negeri mempunyai sikap mudah kerja dan cepat membuat keputusan, maka kerajaan itu akan dapat membangunkan negerinya dengan lebih cepat.

"Sebaliknya jika kerajaan negeri mengenakan syarat meminta itu dan ini..tambahan kepada syarat yang dikenakan oleh kerajaan pusat, akhirnya negeri itu tidak dapat dibangunkan, oleh itu pendapatan kerajaan negeri tidak dapat meningkat," katanya.

Menurutnya, sejak Tan Sri Khalil Yaakob menjadi Menteri Besar Pahang pendapatan yang diperolehi Pahang kini ialah RM780 juta setahun berbanding RM180 juta pada masa dahulu, yang menggambarkan keupayaan kerajaan mewujudkan pembangunan yang menguntungkan kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata pengeluaran peralatan elektrik MEC merupakan satu percubaan untuk memperkenalkan barangan dengan jenama Malaysia secara besar-besaran yang nampaknya mendapat sambutan baik.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan membantu syarikat-syarikat Malaysia yang mengadakan perusahaan secara besar-besaran, beliau berkata sebenarnya tidak banyak bantuan yang diberikan, cuma memberikan peluang sahaja.

Syarikat-syarikat Malaysia mempunyai kemampuan untuk memasuki dalam industri secara besar-besaran, bukan sahaja dalam industri itu tetapi industri lain juga "kerana kita berpendapat jika kita hendak menjadi 'world player' dan hendak memasuki pasaran dunia, maka barangan seperti ini tidak harus dibuat di belakang rumah kerana jika tidak sampai bilapun kita tidak dapat bersaing dalam pasaran dunia," katanya.

"Tak perlu selain daripada yang biasa...mungkin bagi kita jika hendak insentif sampai bilapun kita tak boleh berniaga, yang boleh kita bantu kita bantulah," katanya.

Katanya, setiap orang harus mempunyai keyakinan pada diri sendiri.

Beliau juga berkata dengan membuat secara besar-besaran, maka mereka yang berminat boleh membeli saham dalam syarikat berkenaan.

"Lebih baik lagi jika mereka boleh beli saham dalam syarikat besar kerana saham itu mungkin meningkat harganya, daripada mereka membuka perusahaan kecil-kecilan, yang terlalu kecil dan sukar untuk mencapai skala ekonomi," katanya. -- BERNAMA

AZ NMO